

Ensiklopedia Muamalat rujukan kewangan syariah

Oleh **SITI NURAZLINA JAMALUDIN**
kampus@utusan.com.my

SEIRING dengan misi untuk menegakkan perkhidmatan kewangan syariah dan perbankan Islam, Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah melancarkan sebuah Mini Ensiklopedia Muamalat baru-baru ini.

Ita yang memuatkan 50 kertas kerja berkaitan bidang kewangan dan perbankan Islam dihipunkan untuk dijadikan sumber rujukan tambahan kepada para pelajar USIM dan mereka yang berkhidmat dalam jurusan tersebut.

Sebanyak tujuh tema yang diketengahkan dalam mini ensiklopedia tersebut, antaranya mengenai *Produk Pembangunan Islam dan Inovasi Perbankan Islam, Institusi Kewangan Islam: Prospek dan Cabaran, serta Globalisasi dan Kemampuan Servis Kewangan Islam.*

Mini Ensiklopedia Muamalat itu dilancarkan bersempena dengan Persidangan Kewangan, Perakaunan dan Perbankan Islam (iBAF 2010) anjuran FEM.

Persidangan yang disertai agensi awam dan swasta seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Malaysia (USM), Bank Islam

Malaysia Berhad (BIMB), Pusat untuk Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF), Universiti Sriwijaya dan Universiti La Trobe itu telah dirasmikan oleh Ketua Eksekutif, Bank Muamalat Malaysia

Berhad, Datuk Mohd. Redza Shah Abdul Wahid.

Turut disampaikan anugerah *Best Paper Award* kepada Wahida Ahmad dan Faridah Najuna Misman dari Universiti La Trobe.



MOHD. Redza Shah Abdul Wahid (kanan) ketika merasmikan iBAF 2010 baru-baru ini.